



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 21 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MENTERI KATA KENAIKAN HARGA MAKANAN TERNAKAN LUAR KAWALAN KERAJAAN, OH SEMPUT -ONLINE 'KENAIKAN HARGA MAKANAN TERNAKAN LUAR KAWALAN KERAJAAN', BH -ONLINE APLIKASI PERTANIAN PINTAR DAPAT ATASI ISU BENIH PADI, BH -ONLINE AGRICULTURE MINISTER SAYS IMPORTED ANIMAL FEEDS PRICE HIKE BEYOND MINISTRY'S CONTROL, NEWS, GUANG MING DAILY -A7 'HIGHER FEED COST CAUSING INCREASED CHICKEN PRICE BEYOND GOVT CONTROL', HOME, BORNEO POST (KUCHING) -5 INCREASE IN CHICKEN PRICES CAUSED BY IMPORTED FEED PRICES WHICH ARE OUT OF CONTROL, NATION, SIN CHEW DAILY -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7.	600 LESEN DILULUS UNTUK NELAYAN SAMPAN ZON A, HAKAKAH DAILY -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	PADDY SEED DISTRIBUTION UNRESOLVED, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -7 PESAWAH KEDAH DICADANG TUKAR VARIETI BENIH PADI, HAKAKAH DAILY -ONLINE PETANI KECEWA, LOKAL, HM -22 BEKALAN BENIH PADI LEWAT JEJAS PESAWAH, NEGERI KEDAH/SELANGOR/KL, SH -27 JELAPANG PADI NEGARA BERDEPAN MASALAH BENIH, MUKA DEPAN, BH -1 BERI HAK KEPADA PENGELUAR LAIN, NASIONAL, BH -2 PETANI TERPAKSA TANGGUNG KENAIKAN KOS, NASIONAL, BH -2	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27.	KERAJAAN ANCAM TAMBAH IMPORT AYAM, KOSMO -ONLINE IMPORT DEDAK MAMPU STABILKAN HARGA AYAM, UM -ONLINE DEDAK ISIRUNG SAWIT UNTUK MAKANAN HAIWAN TERNAKAN, BH -ONLINE PEMUDA PH PERSOAL CADANGAN TAMBAH AP AYAM TIGA MINGGU MENJELANG AIDILFITRI, MALAYSIA KINI -ONLINE 'POULTRY FEED COST ROSE BY 40% IN THE PAST YEAR', NATION, THE STAR -8 NO SHORTAGE OF CHICKEN FOR RAYA, NATION, THE STAR -10 GROWING GAINS FROM DISCARDED DURIAN SEEDS, NEWS, THE SUN -2 KOS MAKANAN MENINGKAT JADI PUNCA, NASIONAL, BH -3 KEMENTERIAN CARI PENYELESAIAN, NASIONAL, BH -3 AWASI AIR IKAN LAGA, KU BELA, HM -35 'JANGAN BUNUH BISNES KAMI', MUKA DEPAN, KOSMO -1 'DUA TAHUN DAH KAMI TANGGUNG RUGI', NEGARA, KOSMO -2 PERLU BERTINDAK AWAL BUKAN BILA RAKYAT SUDAH BISING, NEGARA, KOSMO -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	OH SEMPUT	ONLINE	

Menteri kata kenaikan harga makanan ternakan luar kawalan kerajaan



PUTRAJAYA, 8 Ramadan 1442H, Selasa – Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kenaikan harga komponen makanan ternakan disebabkan pasaran antarabangsa, yang di luar kawalan kerajaan.

Katanya, kenaikan harga makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya semakin meningkat di pasaran dunia.

Ia menjadi penyebab penternak ayam berdepan kos tinggi untuk mendapatkan bekalan, katanya.

“Malaysia masih banyak mengimport jagung dan soya yang menjadi sebahagian daripada komponen makanan haiwan.

“Kita tidak menghasilkan cukup jagung untuk dijadikan makanan haiwan. Kalau ia diimport dari luar maka negara kita tidak dapat mengawal harga pada kadar yang berpatutan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kenaikan harga makanan haiwan ini sudah berlaku sejak empat hingga lima bulan lalu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga sudah mengambil langkah bagi menetapkan harga ayam standard pada RM7.90 sekilogram melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang berkuat kuasa 21 April hingga 20 Mei ini.

Justeru, Ronald berkata, pemain industri perlu mematuhi harga kawalan ditetapkan dan pengawalan harga juga perlu dibuat dalam rantai industri.

Beliau berkata, pihaknya bersama-sama KPDNHEP mengadakan perjumpaan dengan pemain industri untuk mengambil tindakan bagi mengatasi masalah harga runcit ayam termasuk mencadangkan penambahan permit import (AP) ayam.

Baru-baru ini dilaporkan bahawa kenaikan harga makanan ternakan yang terdiri daripada soya dan jagung, yang kebanyakannya diimport dari Argentina dan Brazil, dikesan menjadi antara punca kenaikan harga ayam di negara ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

'Kenaikan harga makanan ternakan luar kawalan kerajaan'



MENTERI Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee ditemu bual pemberita selepas meneruskan tradisi mengagihkan bubur lambuk kepada warga kerja kementeriannya sempena Ramadan di Wisma Tani. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Kenaikan harga makanan ternakan di pasaran antarabangsa menyebabkan penternak ayam berdepan kos tinggi bagi mendapatkan bekalan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata kenaikan harga itu luar kawalan kerajaan kerana harga makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya semakin meningkat di pasaran dunia.

Katanya, sebagai antara komponen penting dalam penternakan ia memberi kesan kepada penternak ayam.



MENTERI Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengagihkan bubur lambuk kepada kakitangan selepas simbolik perasmian Majlis pengagihan bubur lambuk MAFI di Wisma Tani, Putrajaya. NSTP/HAZREEN MOHAMAD

"Kenaikan harga makanan haiwan ini sudah berlaku sejak empat hingga lima bulan lalu dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga sudah mengambil langkah bagi menetapkan harga ayam pada RM6.80 sekilogram melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang dilancarkan semalam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program pengagihan bubur lambuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sempena Ramadan di kementeriannya di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ronald berkata, pemain industri perlu mematuhi harga kawalan ditetapkan dan pengawalan harga juga perlu dibuat dalam rantai industri.

Beliau berkata, pihaknya bersama-sama KPDNHEP mengadakan perjumpaan dengan pemain industri untuk mengambil tindakan bagi mengatasi masalah harga runcit ayam termasuk mencadangkan penambahan permit import (AP) ayam.

"Apa juga tindakan ia harus dibincang di peringkat dasar dan tindakan yang diambil itu nanti perlu menguntungkan industri keseluruhannya," katanya.

Ahad lalu, media melaporkan, kenaikan harga makanan ternakan iaitu soya dan jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil antara punca menyumbang kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

KPDNHEP, dalam satu kenyataan media, memaklumkan analisis awal mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjejaskan harga ayam dalam rantaian bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna.

Menyentuh masalah kelewatan bekalan benih padi di utara Semenanjung, Ronald berkata, masalah itu akan diselesaikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam masa terdekat.

Katanya, NAFAS turut mencadangkan penukaran antara 50 hingga 60 peratus varieti MR297 kepada varieti MR219 bagi menampung keperluan benih padi sah semasa.

"Sekiranya cadangan penukaran benih padi ini dipersetujui, penghantaran akan diatasi dalam tempoh seminggu," katanya.

Terdahulu, Ronald mengagihkan bubur lambuk kepada kakitangan kementerian, manakala sebahagian daripadanya dijadikan menu iftar kakitangan bersama 50 pelajar Tahfiz Maahad Darul Muqri Rawang dan Maahad Tahfiz Addirasah Seremban.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Aplikasi pertanian pintar dapat atasi isu benih padi



Isu kekurangan hasil dan kualiti benih boleh ditangani dengan pengenalan aplikasi pertanian pintar yang dapat memberikan jangkaan pengeluaran dan tahap kualiti benih.
- Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Isu kekurangan hasil dan kualiti benih boleh ditangani dengan pengenalan aplikasi pertanian pintar yang dapat memberikan jangkaan pengeluaran dan

tahap kualiti benih.

Profesor Jabatan Sains Tanaman Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Razi Ismail, berkata menerusi aplikasi itu ia dapat diguna pakai di setiap sawah yang dikhususkan untuk pengeluaran benih.

Pemantauan berterusan terhadap status kesuburan pokok padi dipantau untuk mendapatkan data jangkaan hasil sekali gus memberikan maklumat kecukupan benih padi.

Data yang diperolehi dipusatkan atau 'centralized' melalui sistem berpusat yang dapat memberi maklumat awal dan berkesan untuk tujuan perancangan perolehan benih padi.

"Sebagai contoh, model jangkaan hasil padi ada dibangunkan penyelidik di Fakulti Pertanian UPM melalui pemantauan berterusan pada pokok padi di sawah menggunakan aplikasi dron dan perisian yang sesuai yang boleh memberi jangkaan penghasilan yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan perancangan dan penghasilan di sawah," katanya kepada BH, hari ini.

Di negara ini, sumber benih padi sah dikeluarkan beberapa syarikat dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang membekalkan benih padi kepada pesawah mengikut piawaian ditetapkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Setiap pembekal telah ditetapkan kapasiti pengeluaran supaya dapat menepati keperluan pesawah di jelang dan juga di luar jelang padi. Masalah ketidakcukupan dan kelewatan ini berlaku disebabkan pengeluaran padi di sawah bagi tujuan pembenihan tidak mencapai penghasilan maksimum selain puncanya disebabkan kualiti benih yang rendah berdasarkan piawaian oleh Jabatan Pertanian Malaysia," katanya.

Jika ini berlaku di peringkat ladang benih ia akan menyebabkan kekurangan sumber benih padi untuk dibekalkan kepada pesawah yang akan menanam padi pilihan mereka bagi musim penanaman tertentu.

Perancangan jenis atau varieti padi spesifik yang menjadi pilihan pesawah berdasarkan keperluan pesawah di setiap jelang juga perlu diberi perhatian oleh peneraju industri padi dan beras.

"Ini berikutan varieti spesifik pilihan pesawah dapat dibekalkan mengikut ketetapan musim penanaman oleh autoriti jelang," katanya sambil menambah industri padi dan beras negara telah berkembang pesat di atas kepentingan sekuriti makanan, justeru pertambahan kepada agensi pengeluar benih padi perlu juga dipertimbangkan.



Aplikasi pertanian pintar akan dapat memantau status kesuburan pokok padi sekali gus memberi maklumat kecukupan benih padi. - Foto fail NSTP

Sementara itu, Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan di Akademi Profesor Malaysia, Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad, berkata MAFI perlu meningkatkan kawalan kualiti yang tegas, kerap dan berkesan dengan pembabitan daripada pelbagai

kalangan pakar berkaitan. Pembabitan itu disertai petani, pengilang, Pertubuhan Peladang Kawasan, serta agensi dan wakil daripada kementerian itu sendiri.

"Dalam konsep menyelesaikan manipulasi oleh ejen haram ia boleh dilakukan dengan langkah membangunkan pangkalan data dan perlu dibina dengan teknologi 'blockchain' di mana semuanya telus," katanya.

Katanya, pangkalan data itu lengkap mengandungi maklumat mengenai pengeluar benih, profil sosio-ekonomi pengeluar, kuantiti, lokasi, harga, jenis benih, harga jualan, kuantiti jualan dan bilangan pembeli.

Fatimah yang juga Felo Kanan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) berkata, pengeluar setempat juga seharusnya perlu tahu situasi setempat dengan baik. Kelompok ini perlu tahu jenis benih yang digunakan, bila diperlukan dan boleh dihantar dengan cepat.

Justeru, lebih ramai pembekal setempat termasuk petani, PPK atau individu dan swasta ada dibabitkan," katanya.

Masalah tiada harga siling, boleh diatasi dengan mewujudkan lebih banyak pembekal dan pesaing.

"Lagi banyak pembekal akan mewujudkan lebih persaingan dan meminimumkan ruang penipuan. Jika satu pembekal menipu, beliau akan hilang pelanggan kerana ramai pembekal alternatif yang lain. Tapi jika ada satu pembekal sahaja seperti NAFAS, ia tiada saingan dan tiada insentif untuk memberi perkhidmatan yang cekap," katanya.

Selain itu katanya, NAFAS perlu merancang dan meramal keperluan benih padi tempatan. NAFAS perlu menyediakan maklumat pasaran benih secara harian kepada pelanggannya.

"Maklumat seperti pembekal (kuantiti, kualiti dan lokasi) untuk memudahkan petani mendapat bekalan," katanya.

Headline	Agriculture Minister says imported animal feeds price hike beyond Ministry's control		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	21 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A7	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,636
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,909



農長：進口飼料漲價 超出農部控制範圍

(布城20日讯)农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪声称，国内鸡肉价上涨，主因是饲料从外国进口，价格高涨所致，这已超出农业部可控制范围。

他在出席部门一项开斋杂

锦粥 (Bubur Lambuk) 派发活动后说，鸡饲料成本上涨是因为国际原料价格上涨，这已是四五个月前的事，并非近期才发生。

他表示，国际原料价格不受我国控制，希望商家在这

时刻能遵守国内贸易及消费人务部昨日宣布的佳节统制品价格，即活鸡的零售价为每公斤6令吉80仙。

询及贾消部副部长拿督罗索华希昨日提出会跟农业部探讨，增加鸡肉供应入口准

证的建议时，他则回应指，任何建议都须进行政策上的讨论，农业部也认为部门采取的任何行动，整体上都将使行业人士受惠。

出席上述活动者尚有两名农业部副部长拿督斯里阿末韩查和拿督仄阿都拉、秘书长拿督哈斯丽娜等。(TKM)

Headline	'Higher feed cost causing increased chicken price beyond govt control'		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	21 Apr 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	5	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	90 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 614
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,842



'Higher feed cost causing increased chicken price beyond govt control'

PUTRAJAYA: Higher animal feed cost due to the global rise in the price of soya and corn meal "is beyond our control", said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yesterday.

He said prices have risen since four months ago and the reality is that the country is dependent on imported animal feed.

"We don't produce enough corn to use as animal feed. If it is imported we can't control the price," he told reporters

after giving out 'bubur lambuk' at his ministry.

The media recently reported that chicken prices have skyrocketed and among the causes was soya and corn meal that comes mostly from Argentina and Brazil.

However, starting today (April 21) until May 20, the ceiling price for a standard chicken has been set at RM7.90 per kg under the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for Hari Raya Puasa 2021, said Kiandee.

On the failure of

the National Farmers' Organisation (Nafas) to provide certified rice seeds to Kedah farmers, he said that it was not due to an insufficiency of seeds but a shortage of the variety they want.

He said efforts are underway to provide a different variety and that the issue won't disrupt planting season.

He is confident Nafas is taking steps to solve the problem being faced by the Muda Agricultural Development Authority farmers. — Bernama

Headline	Increase in chicken prices caused by imported feed prices which are out of control		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	21 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	11	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,162



罗纳迪迪 (中)与两名副部长阿末韩查(左)及仄阿都拉出席开斋奈锦粥派发活动, 亲身体验煮奈锦粥的过程。

農長：影響肉雞價格

“進口原料價不受控制”

(布城20日讯)农业及食物工业部长拿督斯里罗纳迪迪指出,国内鸡肉价格上涨,主要原因是鸡饲料的原料,即从外国进口的玉米和黄豆价格上涨,这超出农业部可控制的范围。

他解释,鸡饲料成本上升是因为国际原料价格上涨,而且已经是四五个月前的的事了,并不是近期才发生。

“国际原料价格不受我国的控制,偏偏这两种动物饲料的成分

对国内的鸡肉和鸡蛋售价造成影响,而且我国本身生产的玉米也不足够。”

罗纳迪迪今日出席部门一项开斋奈锦粥(Bubur Lambuk)派发活动后对记者说,希望商家在这时刻能遵守国内贸易及消费大事务部昨天宣布的佳节统制品价格,即活鸡的零售价为每公斤6令吉80仙。

促商家勿超过统制品顶价

“我们希望商家能配合贸易部实行的佳节价格统制计划,至少在

整个鸡肉的食品供应链部分,不会出现超过统制价的情况。”

他表示,农业部昨天已与贸易部联系,甚至与相关业者就此事作出讨论。

谈及贸易部副部长拿督罗索华希昨天提出要跟农业部探讨增加鸡肉供应进口准证的建议,罗纳迪迪表示,任何建议都必须进行政策上的讨论,农业部也认为部门采取的任何行动,整体上都将使行业人

士受惠。

贸易部长拿督亚历山大昨日已发出警告商家需严格遵守贸易部根据2019年反暴利及价格控制法令所实行的佳节价格统制计划,一旦发现违反有关条文,该部将立即采取行动。

出席今年活动者包括两名农业部副部长拿督斯里阿末韩查和拿督仄阿都拉,秘书长拿督哈斯丽娜等。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	HARAKH DAILY	ONLINE	

600 lesen dilulus untuk nelayan sampan Zon A



PENANTIAN puluhan tahun nelayan sampan Zon A untuk memiliki lesen berakhir jua. Dari jumlah 600 lesen yang diluluskan untuk Negeri Terengganu, kita mulakan agihan secara berperingkat daerah demi daerah setelah semua urusan teknikal diselesaikan bermula dengan Daerah Besut dan Setiu.

Masih kami ingat bagaimana kami bekerja memikul harapan besar para nelayan dengan penuh tersusun. Bermula dari menubuhkan Jawatankuasa Task Force Lesen Nelayan, mengadakan mesyuarat demi mesyuarat sehingga dikeluarkan pemutihan senarai nelayan-nelayan yang perlu dipertimbangkan bersama Jabatan Perikanan, LKIM dan Persatuan Nelayan Kawasan.

Akhirnya disiapkan kertas untuk diangkat kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Kita tapis seramai 800 pemohon yang layak, Kerajaan Negeri yang angkat permohonan bagi pihak rakyat bukan rakyat angkat sendiri. Disusuli beberapa pertemuan dan perbincangan dengan Menteri MAFI serta HQ Jabatan Perikanan. Akhirnya dari 800 permohonan, kita diberikan kelulusan peringkat pertama sebanyak 600 lesen. Baki 200 kita susuli dengan rayuan fasa kedua. Telah hampir 40 tahun tiada kelulusan besar-besaran seperti ini diberikan.

Tiada kepuasan yang lebih besar sebagai pemimpin lebih dari kita dapat menunaikan hasrat rakyat kita yang dinafikan sejak puluhan tahun lalu. Ramai nelayan yang ke laut sejak remaja sampai tua tapi masih belum memiliki lesen.

Tanpa lesen mereka ibarat cari rezeki secara haram, dinafikan hak elaun sara hidup nelayan, minyak subsidi dan bantuan bencana nelayan. Terengganu adalah negeri yang pertama diberikan kelulusan khas lesen nelayan secara besar-besaran sekali gus. Terima kasih semua. Tiada kata mampu menggambarkan kepuasan dan kegembiraan ini.

Headline	Paddy seed distribution unresolved		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	21 Apr 2021	Color	Black/white
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	7	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	241 cm ²
Journalist	HARIZAH KAMEL	AdValue	RM 1,699
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,097



Paddy seed distribution unresolved

Some farmers are still receiving low-quality and old seeds even though price is now set at RM35 per bag

by HARIZAH KAMEL

LOCAL farmers continue to raise grouses over delays in paddy seed distribution and poor seed quality.

In a joint statement yesterday, the Malaysian Farmers Fraternity Organisation chairman Mohd Fuad Yaacob and Muda Agriculture Development Authority Farmers Action Body chairman Che Ani Mat Zain said the National Farmers Organisation (Nafas) has yet to solve their problems.

The government appointed Nafas as the sole seed distributor

beginning December 2020 to control the market price of rice seeds with a price of RM35 for a 20kg bag.

The appointment, aimed at ensuring quality and timely distribution of seeds to farmers, was in response to farmers' protests, that had been taking place since 2017, and the handing over of a memorandum and demonstrations in front of the Agriculture and Food Industries Ministry's (Mafi) administration building on Oct 2, 2020.

"The decision was actually different from what was stated in the memorandum, which was to abolish the seed quota system, license more seed producers and distribute seed subsidies through a coupon system, so that farmers have more

choices and better quality," the statement reads.

It said farmers doubted Nafas' ability to take over the distribution wholly and the possibility of sabotage from previous companies, but took the "wait-and-see" attitude.

"Our concerns became evident when, in the first season of 2021, seeds have yet to be supplied in most of Peninsular Malaysia, while the irrigation schedule has started two weeks ago in Phase 1 and is now entering Phase 2.

"Even more unfortunate, some farmers are still receiving low-quality and old seeds even though the price is now set at RM35 per bag. Some seeds had already become powdery," Mohd Fuad and Che Ani said.

They also highlighted that

although a QR code system was launched a few months ago to track the origin of seeds, Nafas' channel for complaints using a form that farmers had to fill out further complicated the situation.

They added that so far, neither a response nor a proactive action has been taken by Nafas or Mafi.

"It is possible that the paddy and rice industry division in the ministry, the Agriculture Department and relevant agencies are currently busy arranging plans with large corporations for the large-scale Smart Paddy Field implementation, thus ignoring this protracted seed problem.

"If these supply and quality problems cannot be resolved, farmers' protests are likely to intensify," they added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Pesawah Kedah dicadang tukar varieti benih padi



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal bagi program Insentif Benih Padi Sah yang berkuatkuasa pada 27 November 2020. NAFAS mendapatkan bekalan Benih Padi Sah daripada 10 buah syarikat berlesen pengeluar Benih Padi Sah.

Dianggarkan keperluan Benih Padi Sah di Negeri Kedah 214,585 hektar keluasan bertanam 1,502,095 beg (30,042MT). Daripada jumlah keluasan tersebut, kawasan penanaman padi bagi Kawasan Muda di Negeri Kedah pula adalah seluas 80,612 hektar dan memerlukan sejumlah 564,300 beg Benih Padi Sah.

NAFAS menerima pesanan sebanyak 485,208 beg Benih Padi Sah dan telah membekalkan 183,507 beg kepada para pesawah dari Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Kedah. Sehingga 18 April 2021 sejumlah 401,570 beg Benih Padi Sah telah dipesan oleh 27 PPK MADA. Daripada jumlah tersebut dianggarkan sebanyak 85,199 beg Benih Padi Sah atau bersamaan 21.2 peratus telah diterima oleh PPK-PPK MADA.

Aktiviti pengedaran Benih Padi Sah masih rancak dilaksanakan di peringkat lapangan dengan sejumlah 61,652 beg Benih Padi Sah telah diedarkan kepada peladang. Jumlah ini bersamaan dengan 72.4 peratus daripada jumlah penerimaan semasa Benih Padi Sah oleh PPK.

Sebanyak 60,000 beg Benih Padi Sah dari varieti MR297 lagi sedang dalam proses penghantaran. Untuk makluman, berlakunya kelewatan pembekalan Benih Padi Sah ini adalah disebabkan varieti MR297 yang dikehendaki tiada dalam pasaran serta tidak dapat memenuhi keperluan semasa.

Stok benih padi mentah MR297 yang belum diproses adalah lebih kurang 13,500MT dan ini dapat memenuhi keperluan sebanyak 5,600MT (282,500 beg).

Varieti MR297 yang masih dalam proses kelulusan makmal Jabatan Pertanian dianggarkan sebanyak 3,000MT (150,000 beg) dan sekiranya mengambil kira hanya 60 peratus lulus ujian, akan tersedia sebanyak 1,800MT (90,000 beg) dan masih kurang 30,000 beg.

NAFAS mencadangkan penukaran 50 hingga 60 peratus varieti MR297 kepada varieti MR219 bagi menampung keperluan Benih Padi Sah semasa.

Sekiranya cadangan penukaran dapat dilaksanakan, isu kelewatan penghantaran Benih Padi Sah di Negeri Kedah dapat diatasi dalam tempoh satu minggu.

Justeru itu, para pesawah adalah dicadangkan untuk menukar varieti MR297 kepada MR219. Stok semasa bagi varieti ini adalah sebanyak 5,300MT (265,000 beg) serta dapat menampung kekurangan varieti MR297 dalam tempoh semasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22



SEBAHAGIAN pesawah menunjuk perasaan di atas batas sawah yang belum dimulakan proses penanaman padi. Tunjuk perasaan itu ditujukan terhadap Nafas atas kelewatan pengedaran benih padi.

Oleh M Hifzuddin
Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Kubang Pasu

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendakwa berlaku kelewatan bekalan benih padi sah sehingga dibimbangi akan menjejaskan musim tanaman baharu membabitkan sebahagian besar pesawah.

Pengerusinya, Fuad Yacob berkata, ini kerana pengedar tunggal benih, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) gagal membekalkan benih padi sah ke sebahagian besar kawasan tanaman di Semenanjung.

Katanya, keadaan itu menyebabkan kebanyakan pesawah di bawah kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) belum mula menanam benih padi yang sepatutnya bermula 1 April lalu.

"Kerajaan lantik Nafas sebagai pengedar tunggal benih padi sah sejak Disember 2020 bertujuan mengawal harga, memastikan kualiti dan mengelak pengedaran lambat kepada petani walaupun majoriti petani me-



Petani kecewa

Pesawah adakan protes Nafas lambat edar benih padi

ragui keputusan itu.

"Tetapi kini kebimbangan kami mengenai kemampuan Nafas nyata berasas apabila masalah benih padi berlaku sejak 2017 dan keadaan kini semakin parah hingga menjejaskan rezeki kami," katanya di Kampung Pulau Kabu, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Ba-

dan Bertindak Petani Mada, Che Ani Mat Zain dan Pengerusi Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar Pas Kedah, Mejar (B) Mansor Zakaria.

Fuad berkata, kegagalan kerajaan menangani isu itu menyebabkan pesawah mulai ragu keberkesanan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang di-

jadual bermula Ogos depan, bertujuan meningkatkan hasil padi.

"Jika isu asas berkaitan benih tidak dapat diselesaikan, tidak mustahil SMART SBB juga akan bermasalah kerana pelaksanaan program berkenaan memerlukan kami menyerahkan sawah kepada syarikat tertentu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH/ SELANGOR/KL	27

Bekalan benih padi lewat jejas pesawah

Pesawah dakwa masalah kelewatan benih padi berlaku sejak 2017 dan berlarutan sehingga kini

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

KUBANG PASU

Pesawah di seluruh tanah air menggesa Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) segera menyelesaikan isu kelewatan pengedaran benih padi sah yang kini mengganggu proses penanaman padi mereka pada musim ini.

Pengerusi Pertubuhan Persewaan Pesawah Malaysia (Pesawah), Fuad Yaacob berkata, masalah kelewatan padi benih ini berlaku sejak tahun 2017 dan berlarutan sehingga kini walaupun selepas Nafas

dilantik sebagai pengedar benih tunggal bermula tahun lalu.

Menurutnya, kelewatan itu menyebabkan kerja-kerja sawah tergendala yang berkemungkinan besar memberi kesan kepada pengeluaran beras di negara ini.

"Pada ketika ini benih padi masih belum dibekalkan lagi ke sebahagian besar kawasan di Semenanjung Malaysia sedang-kan jadual pengiraan sudah bermula sejak dua minggu lalu dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) fasa 1.

"Apabila masalah ini dipanjangkan kepada pihak atasan, kami mendapat jawapan sama setiap tahun iaitu kelewatan berpunca daripada makmal jabatan," katanya ketika ditemui pada sidang media di Kampung Pulau Kabu di Siputeh di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Fuad berkata, mereka bagaimanapun masih menaruh keyakinan kepada Nafas untuk me-



Daar Kiri: Mansor dan Che Ani bersama pesawah menunjukkan beg benih padi jenis MR297 yang didakwa tiada dalam pasaran.

nyesahkan masalah itu dan berharap ia tidak berpanjangan sehingga tahun-tahun yang akan datang sehingga boleh mengikis kepercayaan pesawah terhadap kemampuan Nafas.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain berkata, pesawah juga tidak bersetuju dengan cadangan Nafas yang

menyebabkan hasil pesawah berkurangan hingga 50 peratus tetapi kalau bekalan benih jenis MR297 yang kita mahu itu tak ada juga, tak tahu macam mana keadaannya nanti," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar Pas Kedah, Mejar (B) Mansor Zakaria yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Ketil.

Pada Isnin, Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Azman Nasrudin dalam kenyataan berkata, kelewatan pembekalan berlaku disebabkan benih padi dari jenis MR297 yang dikehendaki pesawah, tiada dalam pasaran.

"Oleh itu Nafas mencadangkan supaya pesawah menukar penggunaan benih MR297 kepada MR219 yang mempunyai stok 265,000 beg untuk mengatasi masalah tersebut dalam tempoh seminggu," katanya.

mahu pesawah menukar penggunaan benih padi kepada jenis MR219 bagi menyelesaikan isu kelewatan itu.

"Nafas mungkin tidak tahu apa masalah MR219 itu. MR219 tak sesuai ditanam pada cuaca sekarang kerana batangnya lembut dan mudah rebah walaupun hasilnya baik.

"Keadaan itu kadang-kadang

Jelapang Padi negara berdepan masalah benih

Oleh M Hifzuddin Ikhshan
hifzuddin@bh.com.my

Kubang Pasu: Lebih 30,000 dari pada 57,635 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), di sini yang menjadi Jelapang Padi negara, berdepan masalah kelewatan benih padi sah, sedangkan musim penanaman baharu bermula dua minggu lalu.

Ini berikutan pengedaran tunggal benih iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) didakwa masih gagal membekalkan benih padi sah ke kawasan MADA dan sebahagian besar skim tanaman padi di Semenanjung.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PE-SAWAH), Fuad Yaacob, berkata petani MADA sepatutnya mula menanam padi pada musim baharu bermula 1 April, tetapi hampir kebanyakan mereka belum dapat memulakannya.



Sebahagian pesawah berpiket bagi melahirkan rasa tidak berpuas hati kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) atas kelewatan mengedarkan benih padi dan membekalkan benih tidak bermutu selepas sidang media di Kampung Pulau Kabu, Kodiang, semalam. (Foto Laxman Hakim Zubir/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

Isu bekalan benih padi

Beri hak kepada pengeluar lain

Masalah agihan boleh selesai jika NAFAS ada kepakaran menyeluruh

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my



Pesawah melahirkan rasa tidak puas hati kepada NAFAS kerana lewat mendedarkan benih padi di Kampung Pulau Kabu, Kodang, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

Kuala Lumpur: Isu pengagihan benih padi sah boleh diselesaikan jika pengeluar lain turut diberikan hak berbanding hanya kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai penganjur tunggal ketika ini.

Profesor Kehormat Genetik Tumbuhan dan Bioteknologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Wickneswari Ratnam, berkata agensi yang dipertanggungjawabkan itu tidak mempunyai kepakaran menyeluruh berbanding pengeluar benih yang diperakui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Sepatutnya, ada tempoh peralihan atau kerajaan membenarkan nisbah 50:50 untuk NAFAS dan lima pengeluar benih yang lain demi memastikan tiada isu kelewatan benih padi sah.

"Selain itu, perlu ada kesepakatan dengan pengeluar benih

lain kerana kita bimbang kemampuan NAFAS menyelaraskan benih berikutan ia bukan bidang kepakarannya," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas masalah dihadapi lebih 30,000 daripada 57,635 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah, susulan kelewatan benih padi sah sedangkan musim penanaman baharu bermula dua minggu lalu.

Wickneswari yang juga Felo Akademi Sains Malaysia, berkata NAFAS sebagai pendorong tunggal dalam pembelian benih padi sah, dilihat mampu mengawal harga benih padi, tetapi disebabkan ketidadaan pengalaman khusus akan menimbulkan masalah di masa hadapan.

"Isu kelewatan ini dibimbangi boleh menjejaskan musim tana-

Kementerian jamin isu selesai

Putrajaya: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiang memberi jaminan masalah kelewatan benih padi di Utara Semenanjung diselesaikan oleh NAFAS dalam masa terdekat.

Beliau berkata, bagi mengatasinya NAFAS mencadangkan kepada pesawah mengenai penukaran antara 50 hingga 60 peratus varieti MR297 kepada varieti MR219 bagi menampung keperluan semasa.

"Sekiranya cadangan ini dipersetujui, penghantaran diatasi tempoh seminggu," katanya.

man baharu ke atas sebahagian besar petani, selain mengurangkan keupayaan penghasilan 70 peratus beras negara serta memberi kesan kepada pendapatan petani," katanya.

Beliau mencadangkan pembentukan panel penasihat supaya pengeluaran benih padi tidak terganggu, sekali gus meningkatkan keupayaan mengeluarkan benih berkualiti.

Sementara itu, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohd Rafii Yusop, berkata pengeluaran benih padi sah adalah mencukupi setiap tahun yang dikeluarkan beberapa pengeluar benih padi yang berdaftar dengan MAFI dan NAFAS.

"Keperluan benih padi sah adalah antara 70,000 hingga 80,000

tan setahun untuk memenuhi permintaan seluruh pesawah negara ini.

"Benih padi yang dikeluarkan itu terdiri daripada beberapa jenis padi berkualiti yang diluluskan MAFI. Isunya ialah, pesawah MADA mempunyai pilihan jenis padi tertentu seperti MR217.

"Ini mengakibatkan permintaan hanya tertumpu kepada jenis tertentu, manakala yang tidak mendapat permintaan berlaku lambakan benih," katanya.

Beliau berkata, pengeluaran hasil padi tinggi bergantung kepada pengurusan sawah yang baik oleh pesawah seperti penyediaan tanah tinggi nutrien, pembajaan yang betul pada peringkat pertumbuhan pokok padi, pengawalan rumpai, penyakit dan perosak yang cekap serta kualiti tinggi benih.

Petani terpaksa tanggung kenaikan kos

Dari Muka 1

Katanya, NAFAS dilantik kerajaan sebagai penganjur tunggal benih padi sah sejak Disember 2020 bertujuan mengawal harga, memastikan kualiti dan mengelak pendedaran lambat kepada petani walaupun majoriti petani meragui keputusan itu.

"Tetapi kini kebimbangan kami mengenai kemampuan NAFAS nyata berasas apabila masalah benih padi berlaku sejak 2017 dan keadaan kini semakin parah sehingga boleh menjejaskan rezeki kami.

"Kelewatan mendapat benih padi sah juga menyebabkan petani terpaksa menanggung peningkatan kos kerana kawasan sawah perlu dibajak semula dan sekiranya cuaca menjadi kering, keadaan menjadi bertambah sukar bagi kerja menanam," katanya pada sidang media di Kampung Pulau Kabu, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain serta Pengerusi Lajnah Asas Tani dan Alam

Sekitar Pas Kedah, Mejar (B) Mansor Zakaria.

Terdahulu, kira-kira 30 pesawah yang terjejas di sekitar daerah ini mengadakan bantahan mendesak NAFAS menyelesaikan segera masalah dihadapi mereka.

Difahamkan, kawasan tanaman MADA yang terjejas ketika ini merangkumi kawasan di Wilayah Satu (Perlis), Wilayah Dua (Jitra), Wilayah Tiga (Pendang) dan Wilayah Empat (Kota Sarang Semut).

Mengulas lanjut, Fuad berkata, kegagalan kerajaan menangani isu itu menyebabkan petani mula ragu keberkesanan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dijadual bermula Ogos depan, bertujuan meningkatkan hasil padi.

"Jika isu asas berkaitan benih tidak dapat diselesaikan, tidak mustahil SMART SBB juga akan bermasalah kerana pelaksanaan program itu memerlukan kami menyerahkan sawah kepada syarikat tertentu," katanya.

Smart SBB diperkenalkan ke-

rajaan memabatkan jalinan kerjasama antara kerajaan serta syarikat peneraju swasta bagi memastikan industri padi dan beras negara lebih kompetitif dan berdaya saing.

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Makanan Kedah, Azman Nasrudin, berkata kelewatan pembekalan disebabkan benih padi jenis MR297 yang dikehendaki petani tiada dalam pasaran.

Beliau berkata, masalah berkenaan boleh diatasi dalam tempoh seminggu jika petani menerima cadangan NAFAS untuk menukar penggunaan benih MR297 kepada jenis MR219.

Sementara itu, Che Ani berkata, pesawah MADA menolak sepenuhnya cadangan NAFAS kerana benih padi jenis MR219 dipercayai turut bermasalah, selain boleh menyebabkan kemerosotan hasil padi.

"NAFAS mungkin tidak tahu apa masalah padi MR219, benih ini tidak sesuai ditanam kerana batangnya lembut dan mudah rebah, walaupun hasil padinya ada-

lah baik.

"Jika padi rebah, petani akan berhadapan masalah kekurangan hasil sehingga 50 peratus berbanding MR297 yang tidak mempunyai masalah serius seperti itu," katanya.

Ketika ini, MADA mempunyai 100,685 hektar kawasan penanaman padi yang menyumbang kepada kira-kira 43 peratus bekalan padi negara.

Pada 2019, masalah benih padi sah turut berlaku sehingga menimbulkan masalah kepada pesawah seluruh negara akibat syarikat pembekal benih yang gagal mendedarkan stok benih berkenaan.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu, Datuk Seri Salahuddin Ayub menjelaskan, masalah stok bekalan yang dihadapi sebahagian pembekal menjadi salah satu punca keadaan itu berlaku.

Beberapa pakar sekuriti makanan ketika dihubungi BH, menyarankan kerajaan supaya segera menangani isu kelewatan benih padi sah yang hampir se-

Kini kebimbangan kami mengenai kemampuan NAFAS nyata berasas apabila masalah benih padi berlaku sejak 2017 dan keadaan kini semakin parah sehingga boleh menjejaskan rezeki kami



Fuad Yaacob, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia

tiap tahun berulang. Ini kerana, menurut mereka ia boleh mengakibatkan kesan rantaian lebih besar kepada industri agrotani, malah turut menjejaskan jaminan keselamatan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	KOSMO	ONLINE	

Kerajaan ancam tambah import ayam



KUALA TERENGGANU – Kerajaan bercadang untuk menambah permit import (AP) ayam sekiranya golongan penternak masih berdegil untuk menurunkan harga barang basah itu yang kini dijual sehingga RM10 sekilogram di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya sedang berbincang dengan Kementerian Pertanian dan

Industri Makanan yang menguruskan AP tersebut.

Menurutnya, langkah itu penting sebagai jalan penyelesaian dalam mengatasi kenaikan harga ayam secara mendadak sejak kebelakangan ini yang membebankan pengguna terutama menjelang musim perayaan.

“Penambahan AP ayam akan dilaksanakan jika golongan penternak masih berdegil (untuk menurunkan harga) dan menanggung di air yang keruh.

“Syarikat pemegang AP boleh import ayam untuk memenuhi permintaan. Lambakan ayam import ini akan meningkatkan penawaran sekali gus menstabilkan semula harga,” katanya selepas meninjau harga barangan keperluan di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Rosol berkata, dalam tinjuannya itu, beliau mendapati, harga ayam di pasaran rata-rata sudah mencecah RM10 sekilogram dan tidak menolak kemungkinan akan berlaku lagi kenaikan jika tiada tindakan diambil.

Katanya, setakat ini sebanyak 42 notis kompaun telah dikeluarkan terhadap 25 pemborong dan 17 penternak di seluruh negara kerana menaikkan harga ayam secara tidak munasabah.

“Saya menerima banyak -adu-an daripada peniaga tentang kenaikan itu disebabkan harga tinggi yang dikenakan pembekal, namun pembekal pula mendakwa mereka beli ayam pada harga tinggi dari ladang,” ujarnya.

Namun, katanya, pihak pengeluar ayam pula memberi alasan terpaksa menaikkan harga berikutan dedak semakin mahal.

“KPDNHEP akan menyiasat sendiri ke ladang-ladang bagi memastikan kebenaran dakwaan itu atau ia sekadar manipulasi oleh pihak-pihak tertentu untuk mendapat lebih untung,” katanya.

Rosol memberitahu, pihaknya akan menyiasat kemungkinan wujudnya pembabitan kartel dalam industri bekalan ayam di negara ini sehingga harganya seolah-olah dimanipulasi terutama ketika musim perayaan.

“Harga makanan naik sekali sahaja, tetapi harga ayam pula naik sampai tiga kali dalam tempoh seminggu, ini ada sesuatu yang tidak kena dan kami akan siasat,” ujarnya.

Pada 14 April lalu, Kosmo! melaporkan keluhan kebanyakan pengguna di beberapa negeri ekoran kenaikan harga ayam secara mendadak yang mencecah RM10 sekilogram sehingga me-nimbulkan keresahan mereka. -K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Import dedak mampu stabilkan harga ayam



SHARIFF Subandi menunjukkan ayam yang sudah siap dibersihkan untuk dijual kepada pelanggan di gerainya Seremban 2, Seremban. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

SEREMBAN: Cadangan kerajaan untuk menambah permit import (AP) ayam hanya akan mendatangkan kerugian kepada pembekal dan penternak ayam tempatan memandangkan isu utama kenaikan harga ayam adalah

disebabkan oleh kenaikan harga dedak.

Seorang pembekal dan penternak ayam, Amirul Aqmal Razarudin, 29, berkata, kerajaan sebaliknya perlu mempertimbangkan untuk mengimport bahan mentah untuk membuat dedak dengan kos yang lebih murah.

“Situasi sekarang bukan ayam tidak cukup, tetapi, harga dedak terlampau tinggi dengan kenaikan harga RM1.50 setiap minggu.

“Contoh di Kuala Pilah, harga seguni dedak 50 kilogram (kg) mencapai harga RM124. Minggu lepas, saya beli dedak di Mantin dengan harga RM114 untuk 50 kg dan minggu ini harga dedak naik kepada RM115.50 (50kg),” katanya kepada Utusan Malaysia hari ini.

Amirul Aqmal berkata, dia juga berdepan kesukaran untuk menjual ayam kepada pemborong dan pembeli apabila harga dedak berubah setiap minggu.

“Jika kerajaan hendak bantu rakyat, bantu dengan mengimport bahan mentah yang lebih murah untuk dedak, maka, harga ayam juga akan terkawal.

“Jika harga ayam yang diimport lebih murah di pasaran, macam mana dengan nasib penternak tempatan,” katanya lagi.

Media hari ini melaporkan kerajaan bercadang untuk menambah AP ayam sekiranya golongan penternak masih berdegil untuk menurunkan harga barang basah itu yang kini dijual sehingga RM10 sekilogram di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya sedang berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang menguruskan AP tersebut.

Dalam pada itu, tinjauan Utusan Malaysia di sebuah gerai menjual ayam di Seremban 2, dekat sini mendapati ayam yang dijual kepada pelanggan berharga RM9 bagi setiap kilogram.

Peniagaanya, Shariff Subandi berkata, dia tidak mempunyai pilihan untuk menaikkan harga ayam kerana pemborong sudah menjual dengan harga yang agak tinggi iaitu pada harga RM7 sekilogram.

“Kami beli dari pihak pemborong jadi harga yang jual juga sudah tinggi dan kami terpaksa naikkan harga sebanyak RM9 bagi sekilogram ayam.

“Ada peternak yang memaklumkan harga dedak tinggi, jika dahulu mereka membeli RM100 namun kini meningkat sebanyak RM130 bagi bekalan dedak. Kesannya, harga ayam makin tinggi lebih-lebih lagi ketika Ramadan ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, pihaknya telah mengeluarkan 22 Notis 21 terhadap pembekal dan peruncit ayam mentah yang mengenakan harga tinggi, setakat ini.

“Setakat ini sebanyak dua notis telah dikeluarkan kepada pembekal dan 20 notis kepada peruncit manakala pihak kami ada menerima satu aduan mengenai kenaikan harga ayam iaitu pada 18 April lalu,” katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Dedak isirung sawit untuk makanan haiwan ternakan



Khairuddin dan timbalannya, Datuk Seri Wee Jeck Seng selepas pelancaran Seminar Pameran Pindahan Teknologi MPOB (TOT 2021) hari ini. - Foto NSTP/Hazreen Mohamad

PUTRAJAYA: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) masih meneliti Dasar Penggunaan Dedak Isirung Sawit (PKC) sebagai langkah untuk memastikan industri makanan haiwan ternakan di negara ini terus berkembang selain mengurangkan kebergantungan

kepada bahan import.

Menteri, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata beliau perlu meneliti pelbagai aspek sebelum mengumumkan dasar berkenaan. Ini kerana kementerian perlu menilai aspek permintaan dan penerimaan isirung sawit sebagai makanan haiwan.

"Sebenarnya ini lebih kepada isu permintaan (dedak isirung sawit) kerana bahan ini harganya lebih tinggi di luar negara. Ia menyebabkan kebanyakan peniaga lebih suka menjualnya ke luar negara berbanding pasaran tempatan.

"Bagaimanapun kita tetap akan menyeimbangkan kepentingan perniagaan dengan keperluan tempatan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Bersama EXCO Pertanian, hari ini.

Kini dilaporkan bahawa kenaikan harga dedak daripada soya dan jagung yang kebanyakannya diimport dari Argentina dan Brazil dikesan menjadi antara punca kenaikan harga ayam di negara ini.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Khairuddin berkata pihaknya tetap mahu mempergiatkan tanaman getah di negara ini walaupun kebanyakan negeri kini menggalakkan penebangan pokok sawit dan getah bagi digantikan dengan tanaman lebih lumayan seperti durian.

"Matlamat kementerian ini adalah memastikan bekalan getah kekal mencukupi untuk keperluan dari luar atau dalam negara. Walaupun ada yang melihat daripada sudut ekonomi namun KPPK melihat secara mikro dan akan terus pertahankan industri perladangan getah dengan pelbagai insentif dan dasar baharu untuk meningkatkan pendapatan para pekebun," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Pemuda PH persoal cadangan tambah AP ayam tiga minggu menjelang Aidilfitri



Pemuda Pakatan Harapan (PH) mempersoal cadangan kerajaan untuk menambah permit import (AP) ayam dalam tempoh tiga minggu sebelum Aidilfitri.

Ketuanya, Shazni Munir Mohd Ithnin, berkata jika diteliti dari segi proses ia memakan masa apatah lagi jika masih pada peringkat perbincangan.

"Kita tertanya-tanya juga apa keperluan penambahan AP ayam setelah diumumkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)? Kalau pun ia bersifat serampang dua mata dalam menyelesaikan masalah harga ayam yang melambung kini, tidakkah proses itu akan memakan masa ketika perayaan Aidilfitri berbaki tiga minggu lagi?"

"Jika diteliti daripada sudut prosedur dan proses, penambahan AP ayam sebenarnya memakan masa apatah lagi ketika kerajaan masih di peringkat memulakan perbincangan antara kementerian. Jika prosedur diikuti dengan betul, silap-silap hari bulan lepas raya baru ayam sampai.



"Seandainya menteri yang terlibat 'berjaya' mengetepikan prosedur yang ada dengan pemberian kuota AP berkenaan secara terus, timbul persoalan lebih kritikal, kroni mana pula yang akan dapat AP ayam melalui jalan pintas itu?" soalnya dalam satu kenyataan, hari ini.

Semalam media melaporkan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan rundingan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membincangkan penambahan permit import (AP) ayam bagi mengawal harga di pasaran.

Timbalan Menteri, Rosol Wahid, berkata langkah itu diyakini mampu menyelesaikan masalah kenaikan harga haiwan ternakan itu, terutama ketika musim perayaan.

Rosol berkata, pihaknya memandag serius mengenai isu kenaikan harga ayam dan akan mencari penyelesaian bagi mengatasinya supaya pengguna tidak teraniaya.

Dalam pada itu Shazni berkata, kerajaan sepatutnya terlebih dulu membincangkan soal pengeluaran domestik ayam.

"Sewajarnya kerajaan daripada awal menumpukan usaha terhadap pengeluaran domestik. Berbincang dan merancang beberapa bulan sebelum agar bekalan barangan mentah mencukupi dengan kadar harga yang telah ditetapkan.

"Namun jika ini pun lambat atau tidak dibuat, bagaimana rakyat boleh percaya bahawa kerajaan akan telus dan tidak menyimpang dalam hal penambahan AP ayam ini?," katanya lagi.

Shazni yang juga Ketua Pemuda Amanah mengingatkan kerajaan supaya tidak menanggung di air keruh dengan menggunakan jalan pintas yang akhirnya menguntungkan kroni semata-mata.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Alexander Nanta Linggi mengakui berlaku peningkatan harga ayam atas alasan peningkatan kos makanan ternakan ayam yang diimport yang menjadi antara penyebab utamanya.

Berikutan itu, katanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pemilik ladang ayam besar di negara ini, serta perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), bagi membolehkan penetapan harga ayam standard dilaksanakan.

Hasilnya, harga ayam standard ditetapkan pada harga RM7.90 dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021, yang akan bermula Rabu ini sehingga 20 Mei, berbanding RM7.50 pada SHMMP Hari Raya Puasa 2020.

'Poultry feed cost rose by 40% in the past year'

PETALING JAYA: The price of raw materials for poultry feed has risen at least 40% in the past one year, resulting in the higher cost of chicken, says the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM).

Its president Tan Chee Hee said the price of corn per metric tonne had gone up by 41.3% from RM950 in January 2020 to RM1,300 in March this year, while the price of soya bean meal per tonne had increased by 57.6% from RM1,650 to RM2,600 during the same period.

The price of palm oil – which is added to the feed – increased by 43.3% from RM3,000 to RM4,300 per tonne, said Tan.

"The corn and soya meal used to formulate the feed is also imported," he said, adding that the surge in prices began in August last year.

"This time around, it is different as the prices have been going up for eight months. We have never seen this before. I hope the rakyat can understand that farmers are having a hard time."

According to Tan, the cost of production for every kilogramme of live chicken is about RM6.

He suggests that the government look at increasing the stockpile of raw materials or encourage the private sector to do so in order to prevent the cost of poultry feed and chicken from increasing.

No shortage of chicken for Raya

But prices not expected to come down as production cost has increased, traders say

By **RENA LIM**
rena@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The supply of chicken throughout Ramadan up to Hari Raya will be sufficient but prices are not expected to come down as the production cost keeps increasing.

Mohamad Nasurudeen Armullah, 48, who sells chicken at the Batu Lanchang market here, said he had ordered less chicken from the supplier even though the demand for

chicken would go up in the coming weeks.

"But there is plenty of supply and there is no need to worry about shortage."

"Due to suppliers selling the chicken at higher prices, we ordered less as we may lose money if we order too much," he said yesterday.

Mohamad Nasurudeen said in January, each bird was about RM6 per kg but the price had increased by 30%.

"Now we are getting our stock at

over RM8 per kg, which is quite high," he said.

Another trader Ching Kang Tai, 39, said he decided to order 30% less stock due to the current situation.

"The demand is there but we have to order less now."

"It is impractical for us to buy chicken from suppliers at RM8.20 per kg and to sell it at a lower price."

"If we sell the chicken at a higher price, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will

come after us.

"At the same time, it is not possible for us to sell at a lower price because we will suffer losses," he said.

When they asked their suppliers about the price hike, they were told it was due to an increase in production cost.

"The suppliers said the cost of chicken feed has gone up and they needed to increase their prices if they were to continue feeding the chicken properly in their farms,"

said Ching.

The government on Monday announced 12 food items from the four main categories of beef, chicken, eggs and seafood would be put under a price control list.

With Hari Raya approaching and prices of certain essential food items soaring, the price control list will be enforced over a longer period.

Instead of the usual 14 days, price control for this Hari Raya will last for 30 days from April 21 to May 20.

Growing gains from discarded durian seeds

► Enterprising businessman produces saplings of D24 and Musang King species by bud-grafting choice shoots

KOTA BELUD: The idiom "one man's trash is another man's treasure" holds true for Donny Ien, who runs a profitable enterprise growing saplings of high-value durian species using discarded durian seeds.

During the fruit season between July and December when durians are plentiful, he buys seeds at about RM3 to RM4 a kilogramme from durian stallholders who collect them after customers have finished eating.

He then sows the seeds in his nursery to produce rootstock, after which selected premium durian species such as Musang King, Tembaga and D24 are bud-grafted onto them.

Donny, 39, who has been operating his nursery called Don's Nursery at his village in

Kampung Ranggalau in Sabah since 2017, said the idea of starting his own durian nursery came when he was working in Penang about eight years ago.

"I saw a lot of potential in durian cultivation because in Penang then, Musang King was priced at up to RM100 a kilogramme," he told Bernama, adding that he and his wife later returned to Sabah to learn how to grow durian trees.

Donny, who gets his stock of Musang King buds from his aunt's orchard, said the bud-grafting process, which takes about 21 days to complete, has to be done carefully to ensure success.

In his early days of bud-grafting, Donny met

with failure but he did not allow that to dampen his spirits. He kept going until he succeeded and today, he is earning up to RM20,000 a month from his nursery business.

The durian saplings are ready for sale when they are three to four months old. The Musang King species fetches between RM38 and RM150 per sapling, depending on the size.

Donny's customers are mainly from Kota Belud and Tawau. He also has customers in other districts but due to the current inter-district travel ban in Sabah, he sends saplings to them via postal service.

To meet the demand for durian saplings, he also procures small durian plants from Pasir Mas in Kelantan at RM10 each.

At his nursery, Donny cultivates the Dalit durian, which has orange-coloured flesh, and durian Bunga Merah, which is popular in Sabah, as well as fruits such as *pulasan*, mangosteen and even avocado and pandan coconut.



Donny with the durian saplings in his nursery. — BERNAMAPIX

Harga ayam mahal

Kos makanan meningkat jadi punca

Harga bahan mentah, kos buruh ketika PKP turut pengaruhi jualan

Oleh Hah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kos makanan ayam yang meningkat sehingga lebih 50 peratus sejak Januari tahun lalu, didakwa antara punca kenaikan harga hasil ternakan itu di pasaran.

Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FL-EAM) mendedahkan, bahan mentah seperti jagung import meningkat sebanyak 41.3 peratus lalu daripada RM920 pada Januari 2020 kepada RM1,300, Mac lalu.

Katanya, bahan lain seperti kacang soya import pula meningkat sebanyak 57.8 peratus, iaitu da-

ripada RM1,650 kepada RM2,600, manakala minyak sawit mentah meningkat 43.3 peratus atau daripada RM3,000 kepada RM4,300.

"Harga ayam daging dipengaruhi kos pengeluaran di ladang, termasuk harga bahan mentah untuk makanan yang biasanya bersumberkan jagung, kacang soya dan minyak sawit.

"Kos buruh yang meningkat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga mempengaruhi harga ayam," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga sebelum ini, memaklumkan kenaikan harga makanan ternakan, iaitu soya dan jagung diimport dari Argentina dan Brazil antara punca menyumbang kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

Analisis awal Kementerian turut mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjejaskan harga ayam dalam rantaian bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna sehingga mengundang



Harga ayam segar naik hampir setiap hari sehingga ada peniaga menjual RM9.20 sekilogram.

(Foto hiasan)

rungutan pengguna berikutan kenaikan harga berlaku hampir setiap hari dan terdapat peniaga yang menjual ayam sehingga RM9.20 sekilogram.

Dalam kenyataan sama, FL-EAM juga menjelaskan, ladang ayam ketika ini terpaksa menanggung tambahan kos atas faktor mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang diwajibkan ke atas pekerja mereka.

"Pekerja sudah kembali ke negara masing-masing ketika pandemik melanda disebabkan beberapa faktor seperti bimbang keselamatan keluarga mereka.

"Disebabkan itu juga ladang tidak mampu mencari pekerja baharu mengakibatkan pekerja sedia ada terpaksa dibayar lebih kerana bekerja lebih masa," katanya.

Sementara, Penasihat FL-EAM, Jeffrey Ng, berkata penternak akur dengan keputusan kerajaan untuk menetapkan ayam di bawah Skim Harga Maksimum Mu-

sim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 selama 30 hari, bermula hari ini meskipun mereka berdepan kenaikan kos makanan ayam.

"Apabila diletakkan di bawah SHMMP, ayam terpaksa dijual di bawah harga pengeluaran, namun tidak bermakna semua penternak menanggung kerugian yang besar.

"Kita faham dalam tempoh ini, semua orang ada kesukaran masing-masing termasuk penternak yang memang berdepan dengan harga makanan ternakan yang terlalu tinggi.

"Apabila kerajaan membuat keputusan harga maksimum ini, kita akur dan akan patuh demi kepentingan rakyat.

"Malah kerajaan juga faham situasi yang dihadapi kami. Melalui harga ini, untuk kata kami rugi besar, tidak juga, sebaliknya cukup rezeki untuk dikongsi dengan rakyat Malaysia," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, KPDNHEP mengumumkan 12 jenis barangan bawah SHMMP termasuk ayam, telur ayam, daging serta hasil laut seperti ikan tongkol, selayang, kembung dan mabung.

Skim itu dilaksanakan sebagai langkah menyekat kenaikan harga barang keperluan ketika Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Ditanya mengenai kenaikan kos makanan ayam, Jeffrey menjelaskan, ia diburukkan lagi dengan situasi COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

"Sebenarnya kita mula bergejut dengan kenaikan harga makanan ayam sejak tiga tahun lalu lagi, malah ada penternak hanya mampu bertahan tanpa sebarang keuntungan, bertahan kerana sudah ada dalam industri ini.

"Harga kos makanan ayam meningkat sehingga 40 peratus ke 50 peratus dan disebabkan itulah, berlaku peningkatan harga ayam yang tidak boleh dielakkan," katanya.

Kementerian cari penyelesaian

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan perjumpaan dengan penggiat industri untuk mengambill tindakan bagi mengatasi masalah harga ayam, termasuk mencadangkan penambahan perim import (AP) ternakan itu.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Klandee, berkata apa juga tindakan harus dibincang pada peringkat dasar dan dipastikan menguntungkan industri keseluruhannya.

Katanya, kenaikan harga makanan ternakan di pasaran antarabangsa menyebabkan penternak ayam di negara ini terpaksa mengeluarkan kos tinggi bagi mendapatkan bekalan.

"Kenaikan harga itu di luar kawalan kerajaan kerana harga makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya semakin meningkat di pasaran dunia.

"Malaysia masih banyak import jagung dan soya yang men-

jadi sebahagian komponen penting dalam penternakan, sekali gus memberi kesan kepada penternak ayam.

"Kenaikan harga makanan haiwan ini sudah berlaku sejak empat hingga lima bulan lalu," katanya kepada pemberita pada program pengagihan bubur lam-

“Kenaikan harga itu di luar kawalan kerajaan kerana harga makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya semakin meningkat di pasaran dunia”

Ronald Klandee,
Menteri Pertanian dan
Industri Makanan

buk kemENTERIANNYA sempena Ramadan, di sini semalam.

Mengenai kenaikan harga ayam di pasaran, Ronald berkata, KPDNHEP sudah mengambil langkah menetapkan harga seling ayam pada RM6.80 sekilogram melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang dilancarkan kelmarin.

Katanya, penggiat industri perlu mematuhi harga kawalan ditetapkan dan kawalan harga juga perlu dibuat dalam rantaian industri.

Ahad lalu, media melaporkan, kenaikan harga makanan ternakan, iaitu soya dan jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil antara punca menyumbang kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

KPDNHEP sebelum ini memaklumkan, analisis awal mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjejaskan harga ayam dalam rantaian bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna.

Oleh **Muhamad Razis Ismail**
razis@mediaprima.com.my

Membela ikan laga kini sudah menjadi trend dalam kalangan masyarakat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Hampir setiap minggu pertandingan ikan laga yang dianjurkan mendapat sambutan luar biasa.

Terkenal sebagai ikan paya pada suatu ketika dahulu, ikan laga kini menjadi pilihan sebagai haiwan peliharaan kerana keunikan fizikal dan warnanya.

Jadi tidak hairan, ada yang sanggup membelanjakan sehingga ribuan ringgit untuk mendapatkan ikan laga yang bergred tinggi.

Bagaimanapun, masih ramai terutama yang masih baru mengambil mudah penjagaan ikan laga menyebabkan ia sakit dan mati dengan cepat.

Perkara ini diakui pemilik Betta G Melaka Mini Farm, Muhammad Fauzi Mad Yusop, 31, yang sudah lapan tahun terabit dalam bidang ini.

"Biarpun ikan ini

terkenal sebagai ikan yang lasak namun aspek penjagaan kebersihan air dan makanan memainkan peranan penting supaya ia terus kekal sihat dan aktif.

"Kesilapan yang biasa dilakukan, ramai yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam penjagaan ikan laga," katanya ketika dihubungi.

Terdapat beberapa penyakit yang boleh menyerang ikan laga akibat penjagaan air tidak sesuai termasuk 'white spot', velvet dan kuncup sirip.

Menurutnya, penjagaan air memainkan peranan penting bukan sahaja supaya ikan laga terus hidup malah dapat membesar dengan cepat dan menaikkan warnanya.

"Penggunaan air paip yang mengandungi klorin boleh mengakibatkan ikan mati dengan cepat. Oleh itu, anda dinasihatkan menggunakan air yang ditadai dalam bekas selama empat hari atau gunakan cecair anti klorin.

AWASI AIR IKAN LAGA

Elak peliharaan terkena pelbagai penyakit, usah guna sumber berklorin

"Penukaran air juga perlu dilakukan antara empat hingga tujuh hari untuk memastikan ikan sihat dan cantik," katanya.

Selain itu, boleh masukkan daun ketapang dalam air untuk menurunkan pH air.

"Habitat asal ikan laga adalah di paya. Jadi, daun ketapang dapat bantu turunkan nilai pH dan memasamkan air seperti air paya.

"Kaedah ini bukan sahaja dapat membantu ikan menjadi lebih sihat dan warna lebih cantik, malah air dapat bertahan lebih lama," katanya.

Jelasnya, pemilihan makanan yang diberikan kepada ikan laga juga menjadi penyumbang kepada kebersihan air.

"Biasanya palet yang diberikan kepada ikan berminyak dan boleh



FOTO INSAN MUHAMMAD FAUZI MAD YUSOP

MUHAMMAD Fauzi sudah lapan tahun terabit dalam penjagaan ikan laga.



IKAN laga yang sihat sentiasa aktif berenang.



MEMBERU satu air kepada anti klorin.



BERSIHKAN bekas ikan laga.



LETAKKAN ubat anti white spot.

Penggunaan air paip yang mengandungi klorin boleh mengakibatkan ikan mati dengan cepat. Oleh itu, anda dinasihatkan menggunakan air yang ditadai dalam bekas selama empat hari atau gunakan cecair anti klorin

MUHAMMAD FAUZI

menyebabkan air menjadi cepat kotor sehingga ia perlu ditukar dengan lebih kerap.

"Saya cadangkan berikan makanan hidup seperti kutu air, jentik-jentik, cacing sutera yang baik untuk membesarkan ikan," katanya.



DAUN ketapang dapat turunkan pH air.



KUTU air.

Muhammad Fauzi yang kerap berkongsi ilmu di saluran YouTube itu berkata, penjagaan ikan laga nampak mudah, namun memerlukan ilmu dan komitmen yang tinggi.

"Peminat ikan laga dinasihatkan sediakan keperluan mencukupi

termasuk air, bekas, makanan dan ubat-ubatan.

"Mulakan dengan ikan bergred rendah yang lebih mudah kerana dari situ kita boleh belajar mengenai penjagaan ikan laga dan memupuk minat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1



'Jangan bunuh bisnes kami'

Penternak dakwa terpaksa menanggung kos tinggi sejak dua tahun lalu

PENTERNAK mempersoalkan cadangan kerajaan hendak mengimport ayam sedangkan belantan tempatan mencukupi untuk pasaran di seluruh negara.
- GAMBAR HIASAN

CADANGAN kerajaan untuk menambah permit import ayam bagi memaksa peniaga menurunkan harga ketika ini bakal 'membunuh' lebih 3,000 penternak tempatan yang mendakwa telah beroperasi dalam kerugian sejak dua tahun lalu.

Mereka mempersoalkan mengapa kerajaan membuat cadangan itu sedangkan ayam tempatan mencukupi untuk pasaran di seluruh negara dengan harga masih murah berbanding negara-negara ASEAN seperti Filipina, Vietnam dan Myanmar.

▶ LAPORAN PENUH DI MUKA 3

PLFAM dakwa lebih 3,000 penternak ayam serap kos kenaikan lebih 50 peratus

'Dua tahun dah kami tanggung rugi'

Oleh ZULKIFLI MANZOR,
SHARKAWI LONDING, NUR
NAZLINA NADZARI, NOR
SHAFAWATI YUP dan NOOR
HASLIZA NUSI

PETALING JAYA – Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (PLFAM) menyifatkan cadangan kerajaan mahu mengimport ayam bagi menurunkan harga runcit di Malaysia bakal 'membunuh' perniagaan lebih 3,000 penternak tempatan.

Presidennya, Tan Chee Hee berkata, langkah mengimport ayam dari luar negara akan turut merosakkan industri tempatan memandangkan bekalan ayam sedia ada dalam negara adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan.

"Isu kenaikan harga ayam bukan disebabkan kekurangan bekalan tetapi kerana kos operasi meningkat sehingga 50 peratus. Sudah dua tahun kami beroperasi dalam keadaan rugi.

"Justeru kami perlu jual ayam berdasarkan kos operasi untuk mendapatkan sedikit keuntungan. Lagi pun pengeluaran ayam adalah cukup untuk memenuhi permintaan, maka mengapa perlu ada import supaya berlaku lambakan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan kerajaan bercadang menambah permit import ayam jika golo-



SEORANG peniaga melayan pelanggan di Pasar Kuala Perlis semalam ketika harga ayam naik sehingga mencecah RM10 sekilogram.

ngan penternak tidak menurunkan harga barang basah itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid dipetik sebagai berkata, cadangan itu sedang dibincangkan dengan Kementerian

Pertanian dan Industri Makanan. Menurut Chee Hee, harga ayam naik kerana pada tahun lalu harga jagung melonjak kepada RM920 satu tan metrik dan sehingga Mac lalu meningkat lagi kepada RM1,300.

Menurut beliau, harga soya

pula meningkat daripada RM1,650 pada tahun 2020 kepada RM2,600 sehingga Mac lalu.

Beliau turut mempersoalkan rasional cadangan mengimport ayam sedangkan harga ternakan itu di Malaysia antara yang terendah di ASEAN.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Katanya, bagaimana ayam import boleh dijual lebih murah berbanding tempatan sekiranya harga di luar negara lebih tinggi berbanding di negara ini.

"Sebenarnya kita sudah sampaikan mesej kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan baru-baru ini.

"Kita harap kerajaan kajil perkara ini. Saya tidak boleh kata betul atau salah cadangan KPDNHEP itu, namun 3,000 penternak di seluruh negara tidak menyokongnya," katanya.

Sementara itu, satu sumber daripada PLFAM mendakwa harga ayam bagi peringkat ladang di Filipina sekitar RM7.69 sekilogram dan Myanmar RM7.15 seki- lo, sedangkan di Malaysia cuma sekitar RM5.20 sekilogram.

Keadaan itu menyebabkan harga runcit ayam di Filipina sekitar RM13.29 sekilogram, Myanmar (RM21.12), Kemboja (RM14.69) dan Vietnam (RM23.67) sekilogram.

Perlu bertindak awal bukan bila rakyat sudah bising



HARGA ayam mentah yang mahal akan menyebabkan jualan barangan siap juga melonjak naik. – GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA – Rata-rata peniaga meminta kerajaan menyelesaikan dahulu masalah kenaikan harga di peringkat ladang ternakan agar pematuhan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 dapat dilaksanakan.

Tinjauan ke Pasar Kuala Perlis, Kangar mendapati rata-rata peniaga bimbang SHMMP 2021 yang berkuat kuasa semalam hingga 30 Mei ini akan memberi tekanan kepada mereka.

Seorang peniaga, Madihah Mansor, 50, berkata, mana mungkin mereka menjual pada harga murah sedangkan pembekal meletakkan harga tinggi.

"Bulan ini sahaja, harga sudah naik sebanyak lima kali sehingga mencecah RM9 sekilogram.

"Macam-macam mahu jaga,

gaji pekerja, untung semua itu hendak ambil kira," katanya.

Di Seremban, peniaga mendakwa cadangan kerajaan menambah permit import akan merugikan pembekal kerana isu utama ialah disebabkan oleh kenaikan harga dedak.

Seorang penternak, Amirul Aqmal Razarudin, 29, berkata, dedak naik harga sehingga RM1.50 setiap minggu yang mencecah RM124 untuk 50 kilogram.

"Ini menyebabkan saya sukar menetapkan harga kepada pemborong.

"Jika hendak bantu rakyat, import bahan mentah yang lebih murah untuk dedak," katanya.

Sementara itu, di George Town, seorang pembekal ayam yang mahu dikenali sebagai

Faruk, 40-an, membantah cadangan itu dilihat lebih memberi tekanan kepada pembekal.

"Tindakan itu memberi keuntungan kepada pembekal luar negara, manakala peniaga tempatan terus tersepit," katanya.

Di Johor Bahru, Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Pasar Awam Larkin Sentral, Abdulhaz Idris, 59, tidak bersetuju dengan cadangan itu.

"Ayam import dikuatir mempunyai penyakit selain tidak segar. Harga melambung disebabkan taktik pembekal atau penternak yang mana mengeluarkan bekalan pada stok sedikit.

"Sepatutnya pada musim-musim perayaan macam ini kerajaan membuat pemantuan harga siling bukan pengguna sudah bising baru nak itu ini," katanya.